

PERISYTIHARAN : MASA DEPAN KEDAMAIAN

ATAS NAMA PERSATUAN SAINS POLITIK DAN PENTADBIRAN SELATAN , KAMI SENTIASA MEMANTAU DAN MENYOKONG PROSES KEDAMAIAN.

OLEH KERANA SITUASI KEGANASAN DI SELATAN MASIH BERLAKU HINGGA KE HARI INI. WALAU PUN HARI INI PELBAGAI ORGANISASI BERKUMPUL , BERBINCANG TENTANG KEDAMAIAN. HANYA PENDUDUK TEMPATAN SAHAJA YANG MERASAI SEBENAR IMPAK YANG BERLAKU. MARASAI KESAKITAN YANG SEBENAR, SEDIH, DUKA DAN HIDUP DALAM KEHELAPAN. SEBAGAI PERASAAN YANG BERTINDIH DAN PERPECAHAN. TIDAK KIRA DARI SEGI BUDAYA, LATAR BELAKANG SEJARAH PERTELINGKAHAN. TUJUAN PEMERINTAH , KEJAHILAN DAN SIKAP BERAT SEBELAH OLEH MAJORITI RAKYAT THAI.

KESAKITAN DAN KEMATIAN YANG NGERI DARIPADA SITUASI SELATAN ADALAH PERKARA YANG KITA TIDAK BOLEH IMAGIN. KEHIDUPAN YANG MESTI DIJALANKAN OLEH MANGSA KEHILANGAN YANG TIDAK ADA KAITAN DENGAN KEGANASAN. IBU BAPA , WARIS KERABAT YANG KEHILANGAN ANAK CUCU AKIBAT KEGANASAN YANG BERLAKU. KANAK-KANAK YANG KEHILANGAN IBU DAN BAPA. TETAPI MEREKA JUGA KEHILANGAN KASIH SAYANG DAN MASA DEPAN. JANGAN KATA SERIBU ORANG ANAK YATIM SEORANG ANAK YATIM PUN SUDAH DAHSYAT BAGI KITA. APATAH LAGI MASA DEPAN MEREKA BAGAIMANA MANA MEREKA AKAN MENGHADAPINYA.

DARIPADA BEBERAPA KALI MAJLIS SEMINAR BERKESIMPULAN BAHAWA KEDAMAIAN AKAN LAHIR DENGAN MENDAPAT KERJASAMA DARI PENDUDUK TEMPATAN. ATAU JIKA LEBIH MOLEK LAGI DARIPADA RAKYAT SELURUH NEGARA. TETAPI BAGAIMANA KITA AKAN JALANKAN? PERSATUAN SAINS POLITIK DAN PENTADBIRAN SELATAN YAKIN BAHAWA RAKYAT ADALAH PELAKON YANG BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN KELUAR BERSAMA.

HARI INI “KEDAMAIAN MARA KE HADEPAN” JIKA KITA MASIH PERLU KEPADA RAKYAT , KEDAMAIAN YANG DIABAIKAN OLEH RAKYAT TIDAK AKAN KEKAL. PENYEBARAN MAKLUMAT YANG TEPAT DAN BETUL DENGAN NIAT YANG IKHLAS KEPADA MASYARAKAT ADALAH SATU CARA DALAM MEMAJUKAN PEMBELAJARAN.

TENTU SEKALI KEDAMAIAN MESTI MARA KE HADEPAN. IA ADALAH KEPERLUAN DAN HARAPAN SELATAN. TIDAK KIRA BERAPA LAMA MASA YANG DIGUNA SEKALI PUN. KERANA PADA MASA YANG SAMA JUMLAH ANGKA KEMATIAN DAN KECEDERAAN MENINGKAT. TETAPI KITA JUGA JANGAN LUPA HAKIKAT SEBENAR BAHAWA JUMLAH KELAHIRAN PUN MENINGKAT. KEMAHUAN ORANG YANG ADA SEKARANG DAN YANG BARU LAHIR ADALAH PERKARA YANG SAMA.

“KEDAMAIAN DAN KEDAMAIAN” OLEH ITU KITA MESTI TERUS JALAN BERSAMA UNTUK MENEKANKAN KEDAMAIAN MARA KE HADEPAN.